

0422

U B581 AAB

MAHATHIR - DADAH

KUALA LUMPUR, 8 SEPT (BERNAMA) -- BANYAK PEMIMPIN YANG MENGHADIRI PERSIDANGAN KEMUNCIAK NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI HARARE, ZIMBABWE MEMBERI PERHATIAN KEPADA KETEGASAN UNDANG-UNDANG DADAH MALAYSIA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA PRESIDEN DARI MAURITIUS, YANG BARU SAJA MELULUSKAN HUKUMAN MATI TERHADAP PENGEDAR DADAH, MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA BELIAU KERANA KETEGASAN KERAJAAN MELAKSANAKAN UNDANG-UNDANG DADAH.

KATANYA ZAMBIA PULA KINI MENYEDARI MASALAH DADAH BOLEH MENJEJASKAN PERJUANGAN ORANG KULIT HITAM DI AFRIKA SELATAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MEMBUAT PENEGASAN PADA PERSIDANGAN ITU BETAPA DADAH DAPAT MELEMAHKAN SESEBUAH NEGARA DAN BELIAU TELAH MENJELABKAN HUKUMAN MATI YANG DIKENAKAN TERHADAP PENGEDAR DADAH DI NEGARA INI.

KATANYA SEMASA RUNDINGANYA DENGAN BEBERAPA ORANG PEMIMPIN DI SANA, BELIAU MENDAPATI MEREKA TIDAK MENDAPAT GAMBARAN TEPAT DARIPADA MEDIA BARAT MENGENAI HUKUMAN MATI ITU TERHADAP DUA ORANG RAKYAT AUSTRALIA YANG MENGEDAR DADAH DI NEGARA INI. -- LAGI.  
1636MST 08 09 86

0423

U B582 AAB

MAHATHIR - DADAH 2 KUALA LUMPUR

KATANYA MEREKA DIBERI GAMBARAN BAHAWA HANYA RAKYAT AUSTRALIA SAJA MERUPAKAN ORANG ASING YANG DIHUKUM MATI OLEH MALAYSIA WALHAL DARIPADA 36 ORANG YANG DIGANTUNG, BANYAK LAGI YANG TERDIRI DARIPADA RAKYAT ASING TETAPI INI TIDAK DIHEBUHKAN OLEH MEDIA BARAT KERANA MEREKA BUKANNYA KULIT PUTIH.

BELIAU BERKATA PRESIDEN KENNETH KAUNDA DARI ZAMBIA TERPERANJAT APABILA DIBERITAHU OLEH BELIAU BAHAWA BANYAK LAGI RAKYAT ASING YANG DIGANTUNG. -- BERNAMA.  
1637MST 08 09 86